

03 AUG 2001

Mahathir-Khor

DR MAHATHIR TAK TERIMA SURAT LETAK JAWATAN KHOR

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak menerima surat peletakan jawatan daripada anggota Dewan Undangan Negeri Perlis kawasan Indera Kayangan Datuk Khor Liang Tee.

Perdana Menteri berkata jika Khor hendak meletak jawatan, ia hanya boleh disahkan oleh Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis.

Dr Mahathir yang ditemui pada majlis penyampaian anugerah khidmat cemerlang 2000 Perbendaharaan Malaysia di Khazanah Malaysia di sini, diminta mengulas laporan akhbar hari ini bahawa Khor meletak jawatan kerana sebab-sebab kesihatan.

Bagaimanapun, Khor, 59, dilaporkan menafikan beliau meletak jawatan, sambil menjelaskan bahawa beliau berada di Kuala Lumpur untuk menghadiri mesyuarat parti.

Di KANGAR, Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim turut menafikan laporan bahawa Khor akan meletak jawatan.

Katanya beliau telah menghubungi Khor di Kuala Lumpur malam tadi dan dimaklumkan bahawa Pengerusi MCA Perlis itu masih boleh menjalankan tugas.

"Pada petang ini pula Khor akan menghadiri mesyuarat Exco kerajaan negeri di sebuah hotel di ibu negara dan ini jelas menunjukkan bahawa Khor masih sihat serta mampu menjalankan tugas," katanya.

Shahidan juga menjemput wakil-wakil media supaya menghadiri sidang medianya di Kuala Lumpur petang ini untuk melihat sendiri keadaan kesihatan Khor.

Mengenai mesyuarat BN negeri yang dipengerusikannya pagi ini, beliau berkata BN Perlis memulakan satu Gerak Kerja Pilihan Raya di semua kawasan dewan undangan negeri bermula kawasan Indera Kayangan semalam, dan diikuti kawasan Bintong esok dan seterusnya ke kawasan-kawasan lain.

Mengikut program gerak kerja itu, kajian akan dibuat terhadap sikap pengundi bagi mengetahui kesan daripada ceramah pembangkang.

-- BERNAMA

AFY AZZ RIS MAI